



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
BERSAMA MEMBANGUN NEGARA**

Kami merupakan organisasi pemungut cukai yang terulung sedang mencari individu yang profesional, dinamik, kreatif dan bermotivasi untuk menyertai Kumpulan Pengurusan kami yang berdedikasi.

TARIKH IKLAN : 26 Januari 2011

JAWATAN

A1 - Pegawai Eksekutif (Perundangan) Gred 41

A2 - Pegawai Eksekutif (Keselamatan) Gred 41

B1 - Penolong Pegawai Eksekutif (Keselamatan) Gred 31

B2 - Penolong Pegawai Eksekutif (Penaksiran) Gred 31

B3 - Penolong Pegawai Eksekutif (Perakaunan) Gred 31

**B4 - Penolong Pegawai Eksekutif (Kesyntiausahaan)
Gred 31**

C1 - Pembantu Tadbir (Kesyntiausahaan) Gred 21

KELAYAKAN

A1

Memiliki Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang yang diiktiraf oleh kerajaan dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan diterima masuk sebagai Peguam Bela dan Peguam Cara Mahkamah Tinggi Malaya;

ATAU

Lulus Peperiksaan Akhir Peguam (Bar Final Examination) dan diterima masuk sebagai Peguam Bela dan Peguam Cara Mahkamah Tinggi Malaya;

DAN

Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

A2

Memiliki Ijazah Sarjana Muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

ATAU

Bekas Penolong Penguasa Polis Diraja Malaysia atau Kapten Angkatan Tentera Malaysia atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik;

DAN

DAN

Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut :-

- Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53 bagi wanita tanpa bersepatu;
- Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
- Mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan semasa menarik nafas 84sm (lelaki sahaja);
- Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata atau kanta lekap; dan
- Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat.

B1

Diploma dalam bidang Pentadbiran Awam dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

ATAU

Bekas Inspektor Polis Diraja Malaysia atau Leftenan Angkatan Tentera Malaysia atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik;

DAN

Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

DAN

Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut :-

- Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53 bagi wanita tanpa bersepatu;
- Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
- Mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan semasa menarik nafas 84sm (lelaki sahaja);



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
BERSAMA MEMBANGUN NEGARA**

Kami merupakan organisasi pemungut cukai yang terulung sedang mencari individu yang profesional, dinamik, kreatif dan bermotivasi untuk menyertai Kumpulan Pengurusan kami yang berdedikasi.

- d. Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata atau kanta lekap; dan
- e. Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat.

B2

Memiliki Diploma dalam bidang Pentadbiran Awam dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

ATAU

Diploma dalam bidang Pengajian Perdagangan, Pengajian Perakaunan, Pengajian Perniagaan, Pengajian Bank, Pengajian Kewangan dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

ATAU

Licentiate of Chartered of Secretaries and Administration of United Kingdom dalam bidang kewangan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

DAN

Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

B3

Memiliki Diploma dalam bidang Pengajian Perdagangan, Pengajian Perakaunan, Pengajian Perniagaan, Pengajian Bank, Pengajian Kewangan dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

ATAU

Licentiate of Chartered of Secretaries and Administration of United Kingdom dalam bidang kewangan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

DAN

Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

B4

Memiliki Diploma Sains Kesetiausahaan dari politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

ATAU

Diploma dalam bidang Kesetiausahaan yang diiktiraf oleh kerajaan dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang setaraf dengannya;

DAN

Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

C1

Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan lulus ujian masuk mengambil trengkas atau nota rintas (*note taking*) dengan kederasan 20 p.s.m. daripada rencana dan menaip salinan trengkas atau nota rintas itu sederhana 15 p.s.m. dengan kesalahan tidak melebihi 4%. Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan mengendalikannya komputer.

DAN

Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

*** Semua pemohon mestilah Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan.**

Bagi pegawai LHDNM yang sedang berkhidmat adalah layak dipertimbang oleh LHDNM untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan-jawatan yang diiklankan berdasarkan kepada bidang perkhidmatan yang berkenaan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-

- a) mempunyai kelayakan akademik seperti di atas;

ATAU

- b) lulus peperiksaan khas yang ditetapkan (bagi bidang yang mana berkenaan);

DAN

- c) berumur kurang daripada 54 tahun pada tarikh lantikan.



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
BERSAMA MEMBANGUN NEGARA

Kami merupakan organisasi pemungut cukai yang terulung sedang mencari individu yang profesional, dinamik, kreatif dan bermotivasi untuk menyertai Kumpulan Pengurusan kami yang berdedikasi.

BIDANG TUGAS

A1

Mengendalikan kes Sivil, Jenayah, Rayuan Cukai dan Semakan Kehakiman di Mahkamah dan di hadapan Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan.

Menyediakan perjanjian-perjanjian dan draf Perintah Pengecualian di bawah undang-undang percukaian.

Menyediakan dokumen-dokumen yang akan difailkan di mahkamah.

Memberi dan menyediakan pendapat undang-undang secara lisan dan bertulis mengenai undang-undang.

A2

Menggubal, meminda dan memperkemas dasar, arahan dan peraturan keselamatan LHDNM serta mengkaji dan memberi cadangan penambahbaikan terhadap peraturan-peraturan keselamatan.

Menyelaras penguatkuasaan, penyiasatan dan pengambilan tindakan disiplin dan tatatertib pegawai dan anggota keselamatan LHDNM.

Merancang dan menyelaras operasi dan tugas-tugas kawalan keselamatan di Ibu Pejabat dan Cawangan-Cawangan.

Memantau penguatkuasaan pematuhan terhadap dasar-dasar, arahan-arahan dan peraturan-peraturan keselamatan yang telah ditetapkan.

B1

Merancang, menyelaras dan mengkaji sistem keselamatan LHDNM.

Menjalankan pemeriksaan keselamatan fizikal dan dokumen di Ibu Pejabat dan cawangan-cawangan LHDNM.

Menyelaras, mengatur, merancang dan mengendalikan latihan untuk pegawai dan anggota keselamatan LHDNM.

Merancang, mengkaji, menyelaras dan mengurus tugas eskot.

Merancang, mengatur dan memantau tugas kawalan keselamatan di Ibu Pejabat dan cawangan-cawangan LHDNM.

B2

Menganggotai pasukan audit dan mengendalikan kes-kes audit.

Menjalankan tugas-tugas pendakwaan bagi kes-kes guaman sivil dan jenayah.

Merancang dan menguruskan Operasi Banci Bisnes, Operasi Pematuhan dan Operasi Penyerahan Notis Terakhir Secara Kendiri.

Memberi khidmat nasihat dan menjalankan tugas kaunter bagi menyelesaikan masalah pembayar cukai.

B3

Membantu dalam penyediaan penyata kewangan tahunan dan laporan-laporan Kewangan LHDNM.

Membantu menyediakan laporan perbelanjaan mengurus dan pembangunan bulanan LHDNM.

Membantu dalam pengurusan pembayaran dan terimaan LHDNM.

Membantu dalam pengoperasian Sistem Kewangan dan Perakaunan LHDNM.

B4/C1

Bertanggungjawab untuk memastikan urusan harian di pejabat pegawai Kumpulan Pengurusan berjalan lancar.

Memberi perkhidmatan kesetiausahaan kepada pegawai Kumpulan Pengurusan seperti menaip, menyediakan surat-menyurat, laporan dan pengurusan fail.

Memastikan semua keperluan rasmi pegawai Kumpulan Pengurusan dikendalikan secara cekap dan berkualiti tinggi serta mengawal selia jadual kerja supaya teratur.

Menjawab, menapis dan membuat panggilan telefon untuk pegawai Kumpulan Pengurusan.

KRITERIA YANG DIPERLUKAN

- ✓ Berdaya saing, asertif, pemikiran kritis, dinamik serta matang.
- ✓ Bertanggungjawab, proaktif, daya inisiatif yang tinggi dan kemahiran interpersonal yang baik.
- ✓ Kebolehan bekerja secara berkumpulan, kemahiran komunikasi yang baik dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Berkemahiran dalam bahasa etnik seperti Mandarin, Tamil dan bahasa lain adalah satu kelebihan.
- ✓ Aktif dalam kegiatan luar terutama dalam bidang sukan, seni mempertahankan diri dan pasukan beruniform.



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
BERSAMA MEMBANGUN NEGARA

Kami merupakan organisasi pemungut cukai yang terulung sedang mencari individu yang profesional, dinamik, kreatif dan bermotivasi untuk menyertai Kumpulan Pengurusan kami yang berdedikasi.

GAJI

Skim Gaji Jawatan :

A1-A2

RM2706.00 – RM7930.00

B1-B4

RM1998.00 – RM4950.00

C1

RM1370.00 – RM3417.00

FAEDAH

LHDNM menawarkan faedah yang menarik kepada kakitangannya seperti kemudahan cuti rehat, rawatan perubatan dan pergigian, pinjaman perumahan, pinjaman kenderaan, pinjaman komputer, peluang membina kerjaya, kursus-kursus untuk kemajuan diri dan kemudahan sukan dan rekreasi.

CARA MEMOHON

Permohonan dari **calon-calun luar LHDNM** (termasuk yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan) hendaklah dibuat melalui Laman Web JobsMalaysia (Kementerian Sumber Manusia) di <http://www.jobsmalaysia.gov.my> .

Permohonan dari **calon-calun pegawai LHDNM yang masih berkhidmat** (bertaraf Tetap, Kontrak dan Sambilan) hendaklah dibuat melalui sistem yang boleh dicapai melalui URL <http://kerjaya.hasil.gov.my/eKerjaya> .

Semua permohonan tidak perlu dicetak/di pos ke LHDNM.

*Setiap pemohon hanya boleh memohon **Satu (1)** jawatan sahaja.*

Nama calon-calun yang berjaya dipanggil menghadiri temu duga akan dipamerkan di Laman Web LHDNM dan akan dimaklumkan melalui surat. Pemohon juga digalakkan sentiasa menyemak melalui Laman Web LHDNM untuk mengetahui maklumat berkenaan.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

10 Februari 2011